

## MAKLUMAT PENTING

### 1. Caj Kewangan

Caj Kewangan akan dikenakan atas semua baki tertunggak yang dibawa ke hadapan termasuk faedah dan yuran (kecuali Caj Pembayaran Lewat) berdasarkan kadar semasa Bank, sekiranya bayaran penuh tidak dijelaskan atas Baki Semasa sebelum Tarikh Bayaran Perlu Dibuat dalam bulan terdahulu. Transaksi Pendahuluan Tunai

- 18% setahun daripada amuaan belum jelas dikira secara harian dari tarikh transaksi sehingga tarikh pembayaran penuh.

#### Transaksi Pembelian Runcit

- Tiada Caj Kewangan dikenakan selama dua puluh (20) hari dari tarikh pencatatan transaksi sekiranya bayaran penuh telah dibuat ke atas Baki Semasa sebelum Tarikh Bayaran Perlu Dibuat dalam bulan terdahulu.
- Caj kewangan akan dikenakan ke atas semua transaksi baru pembelian runcit dari tarikh pencatatan sekiranya bayaran penuh tidak dijelaskan atas Baki Semasa sebelum Tarikh Bayaran Perlu Dibuat dalam bulan terdahulu berdasarkan pada kadar faedah bertingkat berikut:

Tabiat Pembayaran Pemegang Kad	Kadar Faedah Pembelian Runcit (%) setahun
Pemegang-pemegang Kad yang menjelaskan bayaran minimum secara tetap untuk 12 bulan berturut-turut	15%
Pemegang-pemegang Kad yang menjelaskan bayaran minimum secara tetap untuk 10 bulan atau lebih dalam kitaran 12 bulan	17%
Pemegang-pemegang Kad yang tidak termasuk di dalam kategori-kategori di atas	18%

#### Pindahan Baki

Faedah Pindahan Baki dikira setiap hari dan dicaj ke atas baki jumlah Pindahan Baki yang diluluskan yang belum dijelaskan sehingga pembayaran penuh.

Formula yang digunakan untuk mengira caj kewangan adalah seperti berikut:

$$f = (B) \times (P/D) \times (R) \quad \text{Di mana:} \quad f - \text{adalah caj faedah yang dikenakan untuk baki } B \text{ yang dikira berdasarkan tempoh hari } P$$

B - adalah baki yang dikenakan caj kewangan

P - adalah tempoh faedah tertentu dalam kiraan hari di mana baki dikenakan caj kewangan

D - adalah bilangan hari digunakan sebagai asas untuk kadar tahunan

R - adalah caj kewangan tahunan yang dinyatakan

### 2. Notis Bayaran Bulanan

Jadual berikut menunjukkan tempoh pembayaran balik bagi senario-senario baki tertunggak yang berbeza. Pengiraan adalah berdasarkan pada caj kewangan sebanyak 18%, tanpa sebarang transaksi baru, bayaran akan dikreditkan pada Tarikh Bayaran yang Perlu Dibuat dalam tempoh tiga puluh (30) hari dalam sebulan.

Contoh di bawah ialah senario jumlah baki tertunggak yang berbeza:

Baki Tertunggak	RM3,000	RM5,000	RM10,000
Pembayaran Balik (Bulanan)	Bayar minimum (RM150 dalam bulan pertama) Bayar RM250	Bayar minimum (RM250 dalam bulan pertama) Bayar RM350	Bayar minimum (RM500 dalam bulan pertama) Bayar RM600
Tempoh Pembayaran Balik	4 tahun 7 bulan	1 tahun 2 bulan	5 tahun 9 bulan
Jumlah faedah yang dikenakan	RM1,055	RM333	RM1,912
Jumlah yang perlu diselesaikan	RM4,055	RM3,333	RM6,912
			RM5,670
			RM14,055
			RM11,594

Pembayaran yang diterima akan diperuntukkan untuk menyelesaikan baki iaitu butiran yang terdapat dalam penyata mengikut kadar faedah, dalam turutan menurun, di mana butiran dengan kadar faedah paling tinggi akan dilunaskan dahulu. Pembayaran yang diterima akan diperuntukkan dalam susunan berikut: cukai, baki caj kewangan, baki prinsipal, dan yuran dan caj.

### 3. Yuran dan Caj\*

Untuk senarai penuh fi dan caj yang lengkap, sila layari laman web kami [www.hlb.com.my/cc2](http://www.hlb.com.my/cc2) atau imbas di sini:



\*Tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan.

### 4. Penggunaan Kad untuk aktiviti-aktiviti yang menyalah undang-undang

Kad anda tidak dibenarkan untuk digunakan untuk sebarang aktiviti yang menyalah undang-undang termasuk tetapi tidak terhad kepada pertaruhan haram atau perjudian melalui internet atau sebarang perjudian. Pihak Bank berhak untuk menamatkan kad kredit anda dengan serta merta tanpa sebarang liabiliti kepada anda jika kad tersebut didapati digunakan untuk tujuan ini.

### 5. Ketepatan Penyata

Sila periksa transaksi terperinci, mata ganjaran anda dan beritahu kami sekiranya terdapat sebarang kesilapan dalam tempoh empat belas (14) hari selepas penerimaan penyata.

### 6. Kad Hilang atau Dicuri

Hubungi 03-7626 8899 (boleh dihubungi 24 jam setiap hari) untuk membuat laporan serta merta. Jika kad anda hilang/dicuri semasa berada di luar negara, sila laporkan kepada Perkhidmatan Pelancongan Visa dan MasterCard atau dapatkan bantuan daripada gabungan yang terdekat.

### 7. Perkhidmatan Pelanggan Kad Kredit

Untuk kemudahan anda, kami telah memasukkan media sosial ke dalam senarai saluran untuk berhubung dengan kami. Kini anda boleh menghubungi kami melalui:

- ☎ Perkhidmatan Telefon Perbankan 03-7626 8899
- 📩 Alamat surat-menyurat – Hong Leong Bank Card Service, Customer Service Department, P.O Box 12109, 50768 Kuala Lumpur
- Atau Mesej Kami di:
- 📱 Hong Leong Connect • 🌐 <https://www.facebook.com/HLBMalaysia/> • 🌐 <https://twitter.com/MyHongLeong> • 💬 Cari 'Hong Leong Bank Malaysia'

### 8. Maklumat Hubungan Pihak Bank Negara Malaysia

Untuk pertanyaan mengenai perkara yang berkaitan dengan sektor kewangan, sila hubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di: Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur. Tel: 1-300-88-5465 Fax:+603-2174 1515 E-mel:bnmtelelink@bnm.gov.my

### 9. Tanggungjawab Pemegang Kad untuk:

- (a) mematuhi terma dan syarat penggunaan Kad;
- (b) mengambil langkah munasabah untuk memelihara keselamatan Kad dan PIN pada setiap masa, termasuk di tempat kediaman Pemegang Kad. Ini termasuk tidak:
  - i. Mendedahkan butiran atau PIN Kad kepada sesiapa ju;
  - ii. Mencatatkan nombor PIN di atas Kad, atau di atas apa-apa yang disimpan berdekatan Kad;
  - iii. Memilih nombor PIN mengikut tarikh lahir, kad pengenalan, pasport, lesen merandu atau nombor telefon Pemegang Kad; dan
  - iv. Membeliarkan orang lain menggunakan Kad dan PIN.
- (c) memberitahu HLB dengan secepat mungkin apabila mendapati Kad hilang, dicuri, transaksi tanpa kebenaran telah berlaku atau nombor PIN mungkin telah terdedah;
- (d) memaklum Bank dengan segera apabila menerima peringatan transaksi melalui paparan Notifikasi Perbankan Mudah Alih Hong Leong Connect ("HLB Connect App"), khidmat pesanan ringkas (SMS) dan emel jika transaksi berlaku tanpa kebenaran;
- (e) memberitahu HLB dengan serta-merta tentang perubahan nombor telefon Pemegang Kad;
- (f) menggunakan Kad secara bertanggungjawab, termasuk tidak menggunakan Kad untuk aktiviti yang salah di sisi undang-undang; dan
- (g) menyemak penyata akaun dan melaporkan sebarang percanggahan tanpa berlengah.